



BAHAGIAN SUKAN, KOKURIKULUM DAN KESENIAN

Sports, Co-curricular and Arts Division

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Ministry of Education Malaysia

Aras 1, 2 & 7, Blok E13, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Telefon : +603 8884 1001 / +603 8884 1002
Faks : +603 8884 1034 / +603 8888 6790
Laman Web : www.moe.gov.my

Ruj. Tuan: MMLM/MOE/May/2023

Ruj. Kami: KPM.600-12/1/6 Jld. S (14)

Tarikh : 7 Jun 2023

YBhg. Tun Dr. Ling Liong Sik
Pengerusi
Malaysia Mental Literacy Movement
Universiti Tunku Abdul Rahman
Kampus Sungai Long
Jalan Sungai Long, Bandar Sungai Long
Cheras, Kajang
43000 Selangor

YBhg. Tun Dr.,

MAKLUM BALAS PERMOHONAN PENGANJURAN PROGRAM DAN PELIBATAN MURID BAGI PERTANDINGAN MINDA TAHUN 2023 ANJURAN MALAYSIA MENTAL LITERACY MOVEMENT, UNIVERSITI TUNKU ABDUL RAHMAN

Dengan segala hormatnya saya ingin merujuk kepada perkara di atas dan surat daripada pihak YBhg. Tun Dr. bertarikh 17 Mei 2023 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK) telah menerima dan meneliti permohonan penganjuran program di atas daripada pihak YBhg. Tun Dr. Pihak KPM mengalu-alukan inisiatif agensi kerajaan dan agensi bukan kerajaan dalam membantu membangunkan aktiviti kokurikulum di negara ini.

3. Sehubungan dengan itu, pihak KPM mengambil maklum akan permohonan pihak YBhg. Tun Dr. serta **tiada halangan** bagi penganjuran **Pertandingan Minda Tahun 2023 pada 9 September 2023 sahaja**. Walau bagaimanapun, pihak KPM ingin menarik perhatian YBhg. Tun Dr. bahawa pelaksanaan aktiviti berkenaan hendaklah memenuhi syarat serta mematuhi Surat Pekeliling Ikhtisas KPM Bil.8/2009, Bil.5/2018 dan Surat Siaran Pengurusan Kokurikulum Bil.2/2010 serta garis panduan terkini yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Perkara yang perlu dipatuhi dalam melaksanakan aktiviti adalah seperti berikut:

- 3.1 pihak penganjur hendaklah mendapatkan kebenaran secara bertulis daripada pihak Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) serta sekolah yang berkenaan;
- 3.2 semua murid terlibat hendaklah mendapat kebenaran dan persetujuan daripada pengetua/guru besar sekolah yang terlibat bagi menyertai program ini;

- 3.3 penyertaan murid hendaklah secara sukarela dan mendapat kebenaran daripada ibu bapa/penjaga;
- 3.4 pihak pengajur adalah bertanggungjawab untuk mendapatkan kelulusan pengajuran program daripada pihak-pihak berkaitan;
- 3.5 surat ink **tidak boleh** diguna pakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan serta tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;
- 3.6 penyertaan murid **tidak mengganggu atau menjejasakan** waktu pengajaran dan pembelajaran (PdP)/Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR)/program/aktiviti sekolah;
- 3.7 pihak pengajur hendaklah memberikan maklumat program kepada pihak sekolah supaya boleh dimaklumkan kepada murid yang terlibat;
- 3.8 pihak pengajur bertanggungjawab menguruskan insuran kemalangan yang bersesuaian dengan aktiviti yang dijalankan, menjaga kesihatan, keselamatan dan kebajikan semua murid yang terlibat dengan program ini;
- 3.9 sekiranya sekolah yang dijemput mempunyai program pada hari cuti hujung minggu, pihak pengajur perlu memberikan laluan murid yang terlibat untuk mengikuti program sekolah;
- 3.10 tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), sekolah dan murid yang terlibat (merujuk SPI Bil.5/2018);
- 3.11 pihak pengajur hendaklah bertanggungjawab menanggung semua kos pengajuran program atau aktiviti yang dianjurkan termasuk pengangkutan, makan dan minum; **melainkan mendapat pertimbangan khas daripada Pendaftar;**
- 3.12 bagi mengelakkan sebarang komplikasi kepada kesihatan murid/guru semasa berhadapan dengan fenomena cuaca panas, pihak pengajur perlu melaksanakan program/aktiviti kokurikulum di dalam bangunan atau kawasan yang tidak terdedah kepada terik matahari seperti ketetapan KPM melalui Surat Penangguhan Aktiviti Luar Semasa Menghadapi Cuaca Panas KPM.600-17/1/18 Jld.6 (52) bertarikh 5 Mei 2023;
- 3.13 pihak pengajur perlu peka dengan perkembangan semasa melalui media berkaitan cuaca panas di tempat/lokasi program/aktiviti/pertandingan serta mematuhi saranan KPM dengan melaksana langkah-langkah pencegahan merujuk kepada kenyataan media KPM berhubung Penjagaan Kebajikan, Kesihatan dan Keselamatan Murid Semasa Menghadapi Cuaca Panas dan Jerebu pada 28 April 2023;
- 3.14 penggunaan logo KPM tanpa kelulusan adalah tidak dibenarkan. Pihak pengajur perlu mengemukakan permohonan penggunaan logo KPM berserta dokumen lengkap kepada **Unit Komunikasi Korporat selepas mendapatkan maklum balas/surat sokongan permohonan pengajuran program ini;**

- 3.15 pihak pengajur dimohon memastikan agar penerapan amalan nilai murni dapat dijadikan sebagai salah satu perkara yang wajib dilaksanakan sebelum/semasa/selepas program berlangsung bagi mendokong elemen tadbir urus insan (Human Governance) dalam kalangan murid sekolah di bawah KPM (seperti pemupukan integriti, bersikap jujur, amanah, hormat antara satu sama lain, sifat jati diri terpuji, beretika, bertimbang rasa, adab yang baik dan lain-lain);
- 3.16 bagi **tujuan pengiktirafan** program, pihak pengajur perlu mengemukakan **satu salinan laporan program yang dijalankan** (**format seperti di Lampiran A**) kepada **Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian, KPM** tidak lebih dari **30 hari selepas tamat program**;
- 3.17 pihak pengajur adalah dimohon untuk mengemukakan **Surat Setuju Terima (seperti di Lampiran B)** kepada pihak BSKK dalam tempoh **14 hari** selepas menerima surat maklum balas permohonan bagi mengesahkan persetujuan untuk melaksanakan program; dan
- 3.18 KPM berhak menarik balik surat pengajuran program ini sekiranya pihak pengajur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuat kuasa. Sebarang ketidakakuruan akan memberikan kesan kepada permohonan agensi pada masa akan datang.

4. Maklum balas pengajuran program ini hanya untuk **Malaysia Mental Literacy Movement, Universiti Tunku Abdul Rahman** yang akan menganjurkan **Pertandingan Minda Tahun 2023 pada 9 September 2023 sahaja**. Sebarang kebenaran program baharu hendaklah dikemukakan kepada pihak BSKK, KPM.

5. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, pihak YBhg. Tun Dr. boleh menghubungi **Puan Rizawani binti Mustafa** di talian **03-88841174** atau e-mel **rizawani@moe.gov.my**.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

Ezaiddin Hussain

(EZAIDDIN BIN HUSSAIN)

b.p.: Pengarah
Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k.: Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri (JPN)
(u.p.: Ketua Penolong Pengarah, Sektor Pembangunan Murid JPN)

**LAPORAN
(NAMA AKTIVITI / PROGRAM)**

- 1.0 Nama Program/Aktiviti:**
- 2.0 Tarikh Pelaksanaan:**
- 3.0 Mod Pelaksanaan:**
- 4.0 Penyertaan (jantina/bangsa):**

| BIL | KOD SEKOLAH | SEKOLAH | DAERAH / NEGERI / NEGARA | JANTINA | | BANGSA | | | | JUMLAH | |
|---------------|-------------|---------|--------------------------|---------|---|--------|------|-------|-----------|--------|------|
| | | | | L | P | MELAYU | CINA | INDIA | LAIN-LAIN | MURID | GURU |
| 1 | | | | | | | | | | | |
| 2 | | | | | | | | | | | |
| 3 | | | | | | | | | | | |
| 4 | | | | | | | | | | | |
| 5 | | | | | | | | | | | |
| 6 | | | | | | | | | | | |
| 7 | | | | | | | | | | | |
| JUMLAH | | | | | | | | | | | |

- 5.0 Jadual Pengisian / Pelaksanaan Aktiviti:**
- 6.0 Peruntukan / Perbelanjaan yang Diturunkan: (***(Jika berkaitan)**
- 7.0 Tetamu Kehormat (VIP): (***(Jika berkaitan)**
- 8.0 Pemenang: (***(Jika berkaitan)**

| KATEGORI PERTANDINGAN | | | | |
|------------------------------|-------------------|-----------------|----------------|------------|
| Kedudukan | Nama murid | Id murid | Sekolah | JPN |
| Pertama | | | | |
| Kedua | | | | |
| Ketiga | | | | |
| Keempat | | | | |
| Kelima | | | | |

- 9.0 Isu dan cabaran:**
- 10.0 Elemen *Human Governance* yang dilaksanakan:**
- 11.0 Cadangan penambahbaikan:**
- 12.0 Gambar:**

Disediakan Oleh:

Tarikh:

CONTOH SURAT SETUJU TERIMA

Rujukan Tuan:
Rujukan Kami:
Tarikh:

Pengarah

Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 1,2 & 7, Blok 13
Kompleks Kerajaan Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
(u.p.: Puan Rizawani binti Mustafa)

Tuan,

SURAT SETUJU TERIMA KEBENARAN PENGANJURAN PROGRAM DAN PENGLIBATAN MURID DALAM (NAMA PROGRAM)

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk dan surat Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK) bernombor rujukan: XXX bertarikh XXX adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa pihak (nama agensi penganjur) mengesahkan persetujuan untuk melaksanakan/menaja program yang dimohon berdasarkan terma dan syarat pelaksanaan/tajaan program/aktiviti kokurikulum seperti yang dinyatakan pada para 3.1 hingga 3.18 dalam surat Maklum Balas Penganjuran Program dan Penglibatan Murid dalam (nama program) mulai XXX hingga XXX.
3. Pihak (nama agensi penganjur) akan mengemukakan **satu salinan laporan program** yang dijalankan kepada BSKK **tidak lebih dari 30 hari selepas tamat program** bagi tujuan pengiktirafan program.
4. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, pihak tuan boleh menghubungi **Puan Rizawani binti Mustafa** di talian **03-88841174** atau e-mel **rizawani@moe.gov.my**.

Perhatian dan kerjasama pihak tuan dalam perkara ini adalah amat dihargai

Sekian, terima kasih.

Saya yang benar,

.....
(Nama)
Jawatan



MALAYSIA MENTAL LITERACY MOVEMENT

(0856-06-SEL)

Rujukan Tuan: MMLM/MOE/May/2023
Rujukan Kami: KPM.600-12/1/6 Jld.5 (14)
Tarikh: 8 Jun 2023

Pengarah
Bahagian Sukan, Kokurikulum Dan Kesenian
Kementerian Pelajaran Malaysia
Aras 1, 2 & 7, Blok 13
Kompleks Kerajaan Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
U/P: Puan Rizawani binti Mustafa

Tuan,

SURAT SETUJU TERIMA KEBENARAN PENGANJURAN PROGRAM DAN PENGLIBATAN MURID DALAM PERTANDINGAN MINDA 2023 (*MIND COMPETITIONS 2023*)

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk dan surat Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK) bernombor rujukan KPM.600-12/1/6 Jld.5 (14) bertarikh 7 Jun 2023 adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa pihak Malaysia Mental Literacy Movement (MMLM) **mengesahkan persetujuan** untuk melaksanakan/menaja program yang dimohon berdasarkan tema dan syarat pelaksanaan/tajaan program/aktiviti kokurikulum seperti yang dinyatakan pada para 3.1 hingga 3.18 dalam surat Maklum Balas Penganjuran Program dan Penglibatan Murid dalam Pertandingan Minda 2023 (*Mind Competitions 2023*) pada 9 September 2023.
3. Pihak MMLM akan mengemukakan **satu salinan laporan program** yang dijalankan kepada BSKK **tidak lebih dari 30 hari selepas tamat program** bagi tujuan pengiktirafan program.
4. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, pihak tuan boleh menghubungi **Puan Norshezar Johar** di talian: **+6012-588 7030** atau e-mel norshezar@utar.edu.my.

Perhatian dan kerjasama pihak tuan dalam perkara ini adalah amat dihargai.

Saya yang benar,

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Ling Liong SIK".

(TUN DR LING LIONG SIK)
Pengerusi
Malaysia Mental Literacy Movement (MMLM)